

21/01/1998

Umat Islam perlu kuasai semua bidang ilmu

Jamhariah Jaafar; Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, umat Islam harus menguasai pengetahuan dalam pelbagai bidang selain agama Islam supaya dapat mengetengahkan idea dalam semua bidang.

Menurut Perdana Menteri, Islam menuntut umatnya meningkatkan pengetahuan mereka dalam semua bidang.

"Kekurangan ilmu bukan menjadi sebahagian daripada budaya orang Islam. Di zaman (kegemilangan) Islam dulupun, orang Islam mempunyai lebih pengetahuan daripada orang bukan Islam," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Kampus Institut Profesional Baitulmal (IPB) di Kampung Pandan di sini, petang ini.

Beliau juga melancarkan Yayasan Pembangunan Masjid Wilayah Persekutuan dan buku Masjid Dunia, Malaysia dan Kuala Lumpur.

Turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, yang juga Pengerusi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Mengulas buku yang dibacanya mengenai keagungan Islam dalam pemerintahan Sepanyol atau nama Arabnya Andalusia satu ketika dahulu, Dr Mahathir berkata, umat Islam dalam pemerintahan Abdul Rahman I, II dan III berjaya membawa kemajuan kerana mereka mempunyai pengetahuan dalam banyak bidang.

Bagaimanapun, selepas pemerintahan Abdul Rahman III, pertikaian dan permusuhan timbul di kalangan mereka kerana percanggahan tafsiran sesama mereka mengenai Islam.

"Ada yang mencari pertolongan daripada musuh Islam dan dengan itu empayar Islam di Semenanjung Sepanyol semakin lemah dan mundur... itulah nasib orang yang lemah yang tiada pengetahuan (lain) walaupun mempunyai pengetahuan dalam Islam," katanya.

Perdana Menteri berkata, tidak ada sebab orang Islam tidak boleh maju kerana peluang menuntut ilmu semakin banyak di negara ini.

Beliau mencadangkan pungutan melalui Baitulmal dan zakat fitrah digunakan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan di kalangan umat Islam.

Perdana Menteri berkata, ramai orang Islam kini mampu menderma wang yang banyak terutama bagi membina masjid.

"Sama ada (derma itu) diberi secara terus atau melalui Baitulmal, hakikatnya mereka dapat memberi dengan banyak kerana mereka sudah berjaya dan kejayaan mereka tidak dapat dipisahkan daripada ilmu pengetahuan," katanya.

Menurutnya, selama ini media antarabangsa dengan meluas menggambarkan semua orang Islam seolah-olah pengganas dan pelampau.

"Ini gambaran yang sengaja diadakan oleh sesetengah pihak dan orang bukan Islam mempercayainya," katanya.

Untuk mengelak tanggapan salah itu, umat Islam harus memberi orang bukan Islam peluang bergaul dan memahami agama serta budaya orang Islam.

Katanya, satu contoh baik ialah tindakan IPB yang mengambil penuntut bukan Islam dari Sabah dan Sarawak.

(END)